

Headline	Bakti Sahabat Tabung Haji		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	05 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	20	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	667 cm ²
Journalist	Nor Hayati Zainudin a	AdValue	RM 26,276
Frequency	Daily	PR Value	RM 78,827

Tiga kategori tugas

Makkah: Bagi membantu meringankan beban petugas haji, Lembaga Tabung Haji (TH) melantik 35 sukarelawan dikenali Sahabat Tabung Haji di setiap maktab penginapan terdiri daripada jemaah haji sendiri.

Mereka diambil melalui proses pemilihan khas berdasarkan kriteria tertentu dan dibahagikan pula kepada tiga kategori dikenali Sahabat Maktab (25 orang), Sahabat Ibadat (enam) dan empat Sahabat Medik.

Sahabat Maktab akan melakukan tugas am seperti membantu jemaah ter-sasar, Sahabat Ibadat pula membantu tugas keagamaan seperti menjadi imam dan bilal di surau maktab manakala

Sahabat Medik pula memberi khidmat nasihat dari aspek kesihatan.

Pengurus Maktab 90 Abdul Razak Said berkata, bagi Sahabat Ibadat, mereka dipilih daripada jemaah yang mempunyai latar belakang keagamaan manakala Sahabat Medik pula terdiri daripada doktor dan jururawat.

"Petugas haji TH tidak ramai iaitu hanya 10 orang bagi setiap maktab, sebab itu pihak pengurusan sejak 2006 lagi melantik Sahabat TH untuk membantu meringankan tugas mereka.

"Antara tugas mereka ialah menyambut kedatangan jemaah yang baru tiba dari lapangan terbang kerana ke-

tika itu jumlah jemaah yang perlu di-uruskan sangat ramai iaitu 480 orang.

"Kita juga sudah membawa Sahabat TH melawat dapur TH, Arafah, Muzdalifah dan Mina.

"Mereka terdiri daripada pelbagai latar belakang termasuk guru, akauntan, ketua kampung dan kebanyakan berusia di bawah 45 tahun serta pasangan suami isteri," katanya dalam sidang media Hotel Raudhat Al-Shorouq di sini, semalam.

Menurutnya, pihak Maktab 90 menerima kira-kira 100 permohonan untuk menjadi Sahabat TH, bagaimana-pun pihaknya terpaksa membuat tapisan kerana hanya 35 orang yang diperlukan untuk tugas berkenaan.



Headline	Bakti Sahabat Tabung Haji		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	05 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	20	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	667 cm ²
Journalist	Nor Hayati Zainudin a	AdValue	RM 26,276
Frequency	Daily	PR Value	RM 78,827



SAHABAT TH membantu jemaah yang kurang berkemampuan bergerak.



SEBAHAGIAN daripada Sahabat TH yang berada di Mekah.